



## **UCAPAN PERASMIAN**

**YB PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS  
TIMBALAN MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM  
SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

**Anugerah Langkawi-Kelestarian Alam Sekitar Tahun  
2017/2018**

**Hotel Marriot, Putrajaya  
8 November 2018**

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Saudari pengacara majlis;

YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Bin Haji Yahaya

Ketua Setiausaha

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

YBhg. Datuk Kua Abun

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pengkomersialan)

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

~~YBhg. Prof Madya Dr. Ramzah Dambul~~

~~Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi)~~

~~Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim~~

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Bin Che Ibrahim

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar

Ketua-Ketua Jabatan dan agensi, wakil-wakil Industri, NGO dan wakil media

Dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalammualaikum dan salam sejahtera.

## **PENGHARGAAN**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T jua kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, pada hari ini kita dapat bersama di Majlis Anugerah Langkawi-Kelestarian Alam Sekitar 2017/2018. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar selaku penganjur atas kesudian mengundang saya bagi menyempurnakan majlis ini.

## **ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

**YBhg. Dato – Dato/ Tuan -Tuan/ Puan – Puan,**

2. Setiap lapisan masyarakat memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing dan perlu turut serta menjayakan aktiviti menjaga dan memulihara alam sekitar. Menjaga alam sekitar ini bukanlah menjadi tugas kerajaan semata-mata tetapi menjadi tanggungjawab kita bersama. Muafakat daripada semua pihak amat penting. Jika tidak, maka gagallah hasrat kerajaan bagi membudayakan masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar yang akan memberikan kesan yang besar kepada generasi akan datang.

3. Dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar, bukan pihak kerajaan sahaja yang harus dipertanggungjawabkan, tetapi semua golongan masyarakat perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi meningkatkan kesedaran untuk melindungi alam sekitar.

### **LET'S BREAKUP WITH SINGLE-USE PLASTIC**

**YBhg Dato – Dato/ Tuan -Tuan/ Puan – Puan,**

4. Sepertimana yang kita semua ketahui, pereputan dan pembuangan beg plastik turut menyumbang kepada pembentukan gas rumah kaca yang memberikan kesan kepada pemanasan global dan menjejaskan rantai makanan manusia. Pencemaran sisa plastik juga mempunyai impak kepada ekonomi negara kerana ia akan mengkompromikan sektor pelancongan. Selain itu, kerajaan juga perlu membelanjakan peruntukan yang tinggi untuk pembersihan alam sekitar daripada pencemaran plastik.
5. Bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia akan kesan pencemaran plastik, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim telah melancarkan *kempen 'Let's Break Up with Single- Use Plastic'* pada 7 September yang lalu. Kempen ini merupakan salah satu langkah yang sedang dilaksanakan di peringkat kementerian bagi mengurangkan penggunaan plastik sekali guna. Pihak kementerian juga telah menggubal satu *Roadmap* untuk menangani masalah plastik

*terutamanya* plastik sekali guna yang telah dilancarkan pada pertengahan bulan Oktober semasa International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) 2018.

6. Dengan adanya usaha sebegini, diharapkan akan lahir rakyat Malaysia yang prihatin kepada alam sekitar dan sebarang bentuk pencemaran alam sekitar terutamanya pencemaran laut dan hidupan marin yang berpunca daripada pencemaran sisa plastik dapat ditangani bersama. Masyarakat juga digalakkan untuk mengadakan aktiviti sebegini sama ada secara individual mahupun sebagai tanggungjawab sosial korporat.

## **PENUTUP**

**YBhg Dato – Dato/ Tuan -Tuan/ Puan – Puan,**

7. Saya percaya, Anugerah Langkawi-Kelestarian Alam Sekitar ini bukanlah penanda aras utama sumbangan kita kepada kelestarian alam sekitar. Usaha bagi meningkatkan indeks kelestarian alam sekitar perlu diteruskan biarpun masih banyak isu-isu yang kita hadapi seperti pencemaran dan sebagainya. Saya dan warga kementerian akan terus memberikan sokongan padu kepada Jabatan Alam Sekitar untuk menerajui usaha-usaha murni dalam memastikan alam sekitar kita terpelihara.

8. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada pihak penganjur atas inisiatif untuk mengelolakan majlis anugerah ini. Saya berharap anugerah ini dapat diteruskan pada masa akan datang supaya menjadi pencetus semangat kepada masyarakat terutamanya generasi muda. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Anugerah Langkawi-Kelestarian Alam Sekitar Tahun 2017/2018.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah,  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.